



Headline	Kongsi kejayaan didik anak		
MediaTitle	Sinar Harian(www.sinarharian.com.my)		
Date	14 Jun 2013	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	300
Page No	1	Readership	4
Language	Malay	ArticleSize	0 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,300
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,900

Kongsi kejayaan didik anak

Link: <http://c.moreover.com/click/here.pl?z9056556766&z=1600249473>

Pasangan Jaafar dan Wan Meriam menatap gambar anak bongsunya Nurmardiah sempena istiadat konvokesyen UIA. FELDA KERTEH DUA - "Saya tidak ada petua didik anak, apa yang penting beri didikan agama secukupnya serta sering berkomunikasi dengan mereka," kata Jaafar Said, 61, dan pasangannya Wan Mariam Abas, 67, suami isteri yang dinobatkan sebagai keluarga contoh di kawasan Tanah Rancangan Felda Kerteh Dua. Berbekalkan pendapatan sebagai peneroka di tanah rancangan namun berkat didikan, enam anak Jaafar dan Mariam lulus universiti dalam pelbagai bidang. Menurut Mariam, dia tiada rahsia sehingga semua anaknya berjaya dalam pelajaran kecuali menerapkan didikan agama yang sempurna. Guru Al-Quran itu berkata, sebagai ibu, dia akan memastikan semua anaknya tahu mengaji selain patuh pada perintah agama seperti solat lima waktu agar mereka tidak tergelincir dari landasan sebenar. "Masa kecil kita kena asuh dengan didikan agama secukupnya. "Apabila mereka meningkat dewasa, kita kena jadikan mereka sebagai rakan pula," kata Mariam yang mengajar kelas al-Quran dan fardhu ain. Suaminya, Jaafar pula menyifatkan kejayaan mereka melahirkan anak cemerlang itu hasil dari keberkatan sumber rezeki diperoleh sebelum dibelanjakan untuk membesarkan anak mereka. Anak sulung mereka, Nursuzilawani, 38, seorang ustazah lulusan Universiti Utara Malaysia, anak kedua Mohd Nasuha, 34, lulusan Universiti Teknologi Malaysia jurusan kejuruteraan, Nursuhaida, 33, pensyarah di Universiti Malaysia Pahang lulusan United Kingdom, Nurbaiyah seorang pereka bentuk bangunan lulusan Universiti Kuala Lumpur manakala anak bongsunya, Nurmardiah, 29, seorang juruaudit lulusan Universiti Islam Antarabangsa (UIA). Pasangan ini pernah merangkul anugerah Keluarga Cemerlang Pendidikan anjuran Pejabat Seranta Wilayah Terengganu serta keluarga cemerlang anjuran Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu peringkat Dun Paka.